



**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:**

### **IKLAN BILANGAN 1/2023 JAKIM**

#### **PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S29 (*CONTRACT OF SERVICE*) SEBAGAI PENYELARAS PENTADBIRAN MASJID DAERAH (PPMD)**

Taraf jawatan : **Kontrak (*Contract of Service*)**

Bayaran Gaji : RM1,493.00 Minima  
RM5,672.00 Maksimum

Penempatan : Seluruh Negara (14 kekosongan)

#### **DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab kepada Pengarah Kanan Bahagian Dakwah, JAKIM dan Pihak Berkuasa Agama Negeri dalam pengurusan, pengimaran dan pemantauan program takmir masjid, surau dan agensi lain seperti Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Agensi Antidadah Kebangsaan.

#### **SYARAT PERMOHONAN**

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Berkelulusan:
  - i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Syariah, Usuluddin atau Bahasa Arab. **[Gaji Permulaan ialah pada Gred S29 : RM1,493.00]**; atau
  - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. **[Gaji Permulaan ialah pada Gred S29 : RM1,493.00]**; atau
  - iii. Diploma dalam bidang Tahfiz Al-Quran, Pengajian Islam atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **[Gaji Permulaan ialah pada Gred S29 : RM1,770.95]**; dan
  - iv. Memiliki kepujian sekurang-kurangnya Gred C dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **Keutamaan:**

1. Pemohon lelaki dari lepasan Sekolah Aliran Agama; dan
2. Memilik sijil/ kemahiran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran masjid dan surau.

## PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dimohon yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## CARA MEMOHON

1. Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan **secara atas talian** melalui sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) di alamat dengan melayari Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia di alamat: <http://spa9.spa.gov.my>.
2. **Panduan Pemohon:** Pada **Menu Jawatan Yang Dimohon**, sila pilih **Lantikan Kontrak/ Tetap (Bukan Lantikan SPA)**. Pilih jawatan yang ingin dimohon seperti iklan di atas.
3. Alamat untuk surat-menyurat, alamat e-mel dan nombor telefon pemohon untuk dihubungi hendaklah tepat, terkini dan masih aktif.
4. Hanya permohonan yang dibuat dalam tempoh iklan sahaja akan diproses.
5. Sebarang keterangan lanjut boleh dirujuk kepada:
  - Seksyen Jawatan Kontrak & Pengurusan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, JAKIM  
 03-8870 7684 / 03-8870 7685 / 03-8870 7697

## TARIKH TUTUP PERMOHONAN

**13 APRIL 2023 (KHAMIS), JAM 11.59 MALAM**